

# Silat perlu \$95,000 untuk beraksi di Manila

Oleh **NORMAH HAMID** 17 OCT 1991

**PERSEKUTUAN Silat Kebangsaan** (Pesaka) memerlukan \$95,000 jika mahu membawa skuad silat olahraganya menyertai kejuaan khas, di Sukan SEA XVI, Manila November ini.

Setiausaha Pesaka, Abdul Rahmar Hassan, berkata perbelanjaan itu diperlukan bagi membiayai 20 peserta, termasuk lima pegawai untuk menyertai kejohanan yang bermula 25 November. **B. Harian (M)**

Pesaka terpaksa menanggung sendiri perbelanjaan berikutan silat olahraga tidak disenaraikan sebagai acara yang dipertandingkan di temasya sukan itu.

Katanya, perbelanjaan bagi seorang peserta ialah \$2,500, manakala kira-kira \$45,000 untuk perbelanjaan lain seperti kos pengurusan dan pengendalian acara itu.

"Sehubungan itu, pada masa ini Pesaka sedang berusaha keras mengumpul sumber kewangan bagi memenuhi hasrat beraksi di Manila.

"Kami tetap ke Manila, walaupun terpaksa menghadapi kesukaran kewangan. Melalui

akhbar kami memohon bantuan orang perseorangan atau swasta untuk menghulurkan derma bagi membantu kami," kata Rahman.

Manila mengugurkan silat dalam acara Sukan SEA kali ini, kerana menganggap sukan berkenaan masih kurang popular di negara itu.

Bagaimanapun, silat olahraga diterima oleh Jawatankuasa Penganjur Sukan SEA Manila (Mansoc) dalam mesyuaratnya pada Ogos lalu bagi dijadikan kejuaan khas kerana pingat emas tidak akan dikira dalam pungutan temasya sukan itu.

Selain itu, negara peserta yang bercadang menyertai kejuaan khas itu juga terpaksa menghantar rombongan yang besar membatu kelengkapan teknikal dan pegawai teknik ke Manila.

Ini kerana Manila tidak mempunyai perediaan lengkap, termasuk wazir (juri) bagi mengendalikan acara berkenaan.

Persekutuan Silat Antarabangsa (Pesilat) dan Mansoc hanya menyediakan tempat pertandingan.

Acara silat olahraga akan diadakan di gelanggang Legtra, Universiti Of Manila.